

TITIK SENTUHAN BAJET NEGERI JOHOR 2017

'Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera'

JOHOR SEBAGAI KUASA EKONOMI SELATAN

Strategi Pertama: Melaksanakan Pelan Pertumbuhan Ekonomi Johor Secara Besar-Besaran

1. Pelaksanaan Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor (PPSJ) (RM5 juta):
 - a. Batu Pahat – membangunkan kebitaraan dalam rantaian nilai industri pembuatan ringan
 - b. Johor Bahru – menjayakan inisiatif pelabuhan hijau selari dengan Rancangan Malaysia Ke-11 dan mengetengahkan Johor Bahru dalam landskap pelancongan kesihatan Malaysia
 - c. Kluang – memperkenalkan pakej bersepadu bagi eko-pelancongan dan pertanian serta promosi pensijilan buah-buahan dan sayur-sayuran organik
 - d. Kota Tinggi – penubuhan satu portal khas tentang pelbagai tarikan pelancongan serta penghakupayaan penduduk tempatan untuk terlibat dalam industri pelancongan
 - e. Kulai – melakukan promosi antarabangsa tentang tarikan perkhidmatan logistik bersama-sama dengan pihak Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
 - f. Mersing – membangunkan Kampung Tradisi Johor
 - g. Muar - membangunkan Pusat Kecemerlangan Kayu dan Produk Berasaskan Kayu
 - h. Pontian - menaik taraf jeti-jeti di Pontian bagi tujuan penambahbaikan aktiviti pelancongan dan perikanan
 - i. Segamat - memperkenalkan dan mempromosi pelbagai produk tempatan Segamat yang berkualiti tinggi berdasarkan kedudukan geografi
 - j. Tangkak - menganjurkan siri Karnival Pelancongan Ledang.

Strategi Kedua: Menggariskan Strategi Khusus Menarik Pelaburan Asing dan Domestik

2. Memantapkan peranan Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) sebagai pemudahcara pelaburan dengan menggunakan jenama “*The Johor Way*”.

Strategi Ketiga: Mewujudkan Pekerjaan Bermutu Untuk Rakyat Johor

3. Pewujudan Pusat Latihan Semula dan Peningkatan Kemahiran GBS ISKANDAR. Pusat ini akan melatih seramai 3000 peserta sepanjang lima tahun untuk diserap ke industri GBS di Iskandar Puteri.
4. Pelancaran (IMProF) menerusi dana RM20 juta yang diperuntukkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi melatih tenaga mahir di Iskandar Malaysia.

Strategi Keempat: Mengurangkan Kebergantungan Pekerja Asing

Strategi Kelima: Membangunkan Johor Sebagai Hab Halal, Hab Bio-Ekonomi dan Hab Kecukupan Makanan

5. Pembangunan *Johor Halalan Toyyiban Roadmap* (JHTR) bagi memangkinkan pertumbuhan Johor sebagai sebuah hab halal (RM500 ribu)

Johor akan menjadi Panel Makmal Halal bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) yang diakreditasi mengikut standard tertentu dalam menyediakan perkhidmatan analisis makmal

Pewujudan *Johor Toyyiban Laboratories Sdn Bhd* (JTLab) (RM5 juta).

6. Pewujudan pelan induk DNA Bioekonomi Johor (DNA BJ) bagi memperkasa industri bioteknologi secara inklusif dan inovatif (RM700 ribu)
7. Pembangunan rangkaian usahawan Bumiputera dalam rantaian halal bagi industri ayam pedaging berskala besar (RM37.98 juta).
8. Pembangunan Agro Mix Farm (kebun nukleus) di Segamat (RM1.25 juta)

Strategi Keenam: Mengurus Kesenjangan Ekonomi Dan Melebarkan Kemakmuran Untuk Semua

9. Pelan induk dan rangka kerja Pembangunan Sosial Iskandar Malaysia. melalui Skim Sokongan Pekerjaan dan juga Skim Bantuan Generasi Kedua yang tertumpu kepada aspek pendidikan anak-anak (RM4 juta)
10. Memperkenalkan Program Pembangunan Usahawan Hiliran Minyak dan Gas (PPUHM) bagi membolehkan limpahan pembangunan di kawasan Pengerang turut dinikmati oleh penduduk di sekitarnya.
11. Pewujudan Pusat Pembangunan Kapasiti Kontraktor bagi merealisasikan pelan induk pembangunan kontraktor melalui peningkatan keupayaan, peningkatan peluang dan peningkatan persekitaran industri (RM2.575 juta)
12. Projek Tanaman Fertigasi (RM700 ribu). RM80 ribu diperuntukkan khusus kepada golongan OKU untuk memberi dorongan, latihan dan semangat agar mereka terlibat dalam sektor pertanian. Melibatkan 64 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan enam sekolah-sekolah Pendidikan Khas di seluruh Johor.
13. Menaiktaraf Bengkel Sampul Surat Orang Kurang Upaya di Batu Pahat (RM200 ribu).

STRATEGI KHUSUS MENGURANGKAN KOS SARA HIDUP

14. Memperbanyak penubuhan koperasi imCoop di seluruh negeri Johor (RM2 juta) - geran padanan tambahan bernilai RM100 ribu daripada Kerajaan Negeri untuk 20 buah koperasi yang menerima bantuan kewangan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan berminat untuk membuka kedai harga patut iMCoop.
15. Perluasan Program Pertanian Rakyat melibatkan 37 buah sekolah, 3 buah universiti dan 37 taman perumahan (RM400 ribu).
16. Meneruskan bantuan kewangan sebanyak RM2 ribu kepada 1,800 orang nelayan berdaftar dan layak (RM3.6 juta).
17. Perluasan Perkhidmatan Bas Muafakat Johor - pertambahan jarak daripada 813.6 km yang ada sekarang kepada 1,357 km pada tahun hadapan (RM14.5 juta).
18. Perluasan Program Air Percuma melalui Syarikat Air Johor (SAJ) kepada golongan sasar di seluruh Johor dan akan memberi manfaat kepada kira-kira 5,000 penduduk, iaitu peningkatan seramai 2,108 penerima berbanding 2892 penerima pada tahun ini (RM3 juta).

PRASARANA TERBAIK UNTUK SEMUA

Air

19. Peruntukan infrastruktur air (RM79.7 juta). Termasuk 14 inisiatif:
- i. Projek Pemindahan Air Mentah Dari Sungai Lenggor ke Empangan Congok (RM65 juta),
 - ii. Pembinaan 2 buah telaga tiub di iaitu di Kota Tinggi (RM1 juta),
 - iii. Penyelenggaraan kawasan tadahan Empangan Layang Hulu dan Layang Hilir (RM900 ribu),
 - iv. Melaksanakan projek pemasangan sistem pemantauan kualiti air di Sungai Johor (RM1 juta),
 - v. Melaksanakan pelan pengurusan kawasan tadahan air (Water Catchment Management Plan) di Sungai Gembut, Kota Tinggi (RM600 ribu),
 - vi. Melaksanakan pemetaan udara menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), dengan izin, di kawasan tadahan Empangan Linggiu dan cadangan Empangan Ulu Sedili Besar dengan (RM700 ribu)
 - vii. Perlaksanaan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu (IRBM) di Sungai Johor (RM10 juta) – RM2 juta setahun.
 - viii. Pembenihan awan di kawasan tadahan air dengan kekerapan penerbangan sebanyak 10 kali dengan peruntukan (RM400 ribu)
 - ix. Projek pemasangan paip dari Outfall Sungai Johor ke Empangan Upper Layang (RM3.5 juta),
 - x. kerja-kerja pembaikan dan pemasangan peralatan pengukuran gegaran di Loji Rawatan Air Gunung Pulai (RM500 ribu)
 - xi. Kajian kebolehpayaan bagi pembinaan Empangan Pantai (Coastal Reservoir) di Muara Sungai Johor, Sungai Pulai dan Sungai Mersing (RM1.8 juta),
 - xii. Mewartakan Kawasan Tadahan (Enakmen Air 1921 – Pindaan 2014) dan Kawasan Larangan & Tempat Larangan 1959 (Akta 298) - RM500 ribu,
 - xiii. Penyediaan Pelan Kecemasan Empangan (ERP) bagi Empangan Juaseh dan Lebam (RM800 ribu)
 - xiv. Melakukan Kajian Kebolehpayaan Sumber Air Bawah Tanah dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - RM1 juta.

20. Penganjuran Johor Water Forum 2017 dan memperkasa forum ini sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang bertindak sebagai penasihat kepada Majlis Sumber Air Negeri Johor (RM300 ribu).

Peruntukan Kerajaan Pusat:

21. Projek Penyaluran Air Mentah Iskandar Malaysia (PAMIM) berharga RM560 juta dengan peruntukan permulaan sebanyak RM5 juta.
22. Pembinaan Loji Rawatan Air Kahang (RM125 juta). Pembinaan satu saluran pemindahan air sementara yang menghubungkan Empangan Kahang ke Loji Rawatan Air Sembrong Timur (RM15 juta)
23. Menaik taraf Empangan Congok di Mersing dengan kos RM7 juta. (2017: RM3 juta).
24. Meningkatkan hasil melalui penguatkuasaan lesen jeti dan penambakan laut oleh Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ).

Pengurusan Banjir

25. Peruntukan Kerajaan Persekutuan (RM37.8 juta):
- Kerja-kerja menaik taraf parit di Kampung Paya Pupuk dan Parit Othman;
 - Pembinaan Tebatan Banjir di Kampung Sialang Dalam; projek pemuliharaan Muara Sungai Kesang; penambakan pemecah ombak di Pengkalan Sri Menanti, Muar.

Rancangan Tebatan Banjir - Peruntukan Kerajaan Negeri (RM4.7 juta):

- Kampung Simpang Loi, Segamat;
- Kampung Melayu Sengkang, Kulai; dan
- Mersing

Rancangan Saliran Bandar melibatkan daerah Johor Bahru, Segamat, Kulai dan Muar (RM13.5 juta).

Rangkaian Projek Rel Berskala Besar

26. Pembinaan landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru yang berharga RM9 bilion (Kerajaan Persekutuan, 2017: RM400 juta).
27. Projek Tren Berkelajuan Tinggi yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura. 70% pelaksanaan projek ini akan melibatkan Johor kerana ia akan melalui beberapa bandar utama di Johor dan dijangka mula dilaksanakan apabila persetujuan dicapai antara kedua-dua negara kelak.

Jalan Luar Bandar

28. Menambah baik penyelenggaraan jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung dan perabot jalan, seperti papan tanda dan *ramp*, lampu jalan serta pengukuhan bahu jalan melalui Sistem Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), (RM650 juta).
29. Pembinaan pelbagai jalan dan jambatan negeri (RM79.2 juta). Ia termasuklah:
 - Jalan raya
 - i. Pembinaan jalan-jalan baharu di Jalan Sri Dayong ke Sejangong; dan laluan merentasi Kampung Rahmat dan Estet Sri Gading di Batu Pahat; dan
 - ii. menaiktaraf Jalan Parit Ibrahim dan Jalan Parit Jawa di Pontian.
 - iii. Pelebaran Jalan Pagoh-Muar dengan menjadikannya laluan empat lorong, dua hala.
 - Jambatan
 - i. Penggantian Jambatan Sungai Gunung Pulai di Kulai;
 - ii. Penggantian jambatan sempit di Jalan Sengkang, Bukit Gambir, Tangkak, dan di Jalan Endau-Penyabong di Mersing;
 - iii. Pelebaran persimpangan di Gelang Patah ke Pendas.

Bandar Pintar Iskandar (*Iskandar Smart City*)

30. Pembangunan projek Iskandar Malaysia Urban Observatori (IMUO) akan dibangunkan bagi merangka model pengurusan bandar, serta memantau pembangunan dan infrastruktur pintar seperti keadaan lalu lintas dan kualiti udara dan air (USD570 ribu oleh pihak UNDP dan RM1 juta daripada Kerajaan Persekutuan).

Perumahan Johor

31. Pengambilan tanah di Kem Tebrau seluas 330 ekar oleh Johor Corporation bagi menyelesaikan isu hak milik tanah kepada 171 penduduk Desa Perwira seluas 32 ekar. Kampung Desa Perwira ini akan dijadikan Rizab Melayu. Baki daripada tanah tersebut, antara lain, akan dibina rumah mampu milik dan ditawarkan kepada setinggan yang layak, yang berada di atas tanah tersebut ketika ini - Unit-unit yang akan dibina terdiri daripada 132 unit Perumahan Komuniti Johor A, 263 unit Perumahan Komuniti Johor B, dan 635 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ).
32. Pembukaan dua Kawasan Pertumbuhan dan Perumahan Baru di Kota Tinggi melibatkan Johor Corporation di Sungai Papan dan YPJ Holdings di Kledang:
 - i. Sungai Papan - keluasan berjumlah 7,900 ekar dan akan memberi tumpuan kepada pembangunan berkonsepkan eko yang mempunyai pelbagai komponen pembangunan seperti

perumahan, perdagangan, perindustrian, pendidikan dan penyelidikan (R&D). Projek ini menasaskan penjanaaan 95,000 peluang pekerjaan dan 60,000 unit kediaman.

- ii. Kledang - akan melibatkan tanah berkeluasan 1500 ekar dengan sasaran pembinaan sebanyak 6000 unit RMMJ.
- 33.** Pembinaan perumahan bagi pekerja-pekerja ladang di bawah Kulim Berhad di Ladang REM, Kota Tinggi.
- 34.** Pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di kawasan-kawasan berikut:
- i. Mersing, 355 unit.
 - ii. Kluang, 910 unit
 - iii. Tangkak, 130 unit,
 - iv. Muar ,1040 unit, dan
 - v. Batu Pahat, 442 unit.
- 35.** Program Rumah Mesra Rakyat Johor –pembinaan 200 unit rumah lagi dalam sasaran menjadikan kesemuanya 3000 unit menjelang 2018. Subsidi pembinaan rumah ini berdasarkan skala berikut:
- a. Subsidi RM10 ribu kepada rumah berharga RM64 ribu,
 - b. Subsidi RM12, 500 kepada rumah berharga RM72, 500.
 - c. Dan subsidi berjumlah RM15 ribu kepada rumah berharga RM85 ribu.
- 36.** Membina pelbagai lagi rumah di seluruh negeri Johor oleh GLC-GLC:
- i. PIJH - 2 buah Taman Perbadanan Islam:
 - a. Segamat - keluasan 20 ekar, 81 unit rumah PKJ A dan PKJ B dan 105 unit RMMJ.
 - b. Pagoh, Muar - keluasan 30 ekar, 210 unit RMMJ (berkonsep Townhouse) dan 180 unit rumah Teres 2 Tingkat.
 - ii. Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) - 1,743 unit rumah secara keseluruhannya, seperti berikut:
 - a. 760 unit rumah teres RMMJ, iaitu sebanyak 88 unit di Sagil, Tangkak, 192 unit di Batu 6, Tenglu, Mersing dan 480 unit di Kong-kong Masai, Tebrau.
 - b. 813 unit rumah pangsa PKJ A iaitu 520 unit di Kampung Hjh. Hasnah, Johor Bahru dan 293 unit rumah pangsa di Kampung Senibong, Permas Jaya.
 - c. 170 unit rumah pangsa PKJ B iaitu di Sungai Lunchoo B, Plentong.
 - iii. Johor Corporation akan membina:
 - i. 70 unit Projek Perumahan Komuniti Johor di Lenga, Muar.
 - ii. 168 unit RMMJ, 72 unit Rumah Kos Sederhana Rendah dan 17 unit Kedai Kos Sederhana Rendah di Kong kong, Masai.

- iv. Pembinaan PRIMA sebanyak 21,540 ribu unit rumah di seluruh negeri Johor. Kesemua unit ini akan ditawarkan pada harga dalam lingkungan RM150 ribu sehingga RM350 ribu. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:
- a. Kota Tinggi - 1,595 unit
 - b. Johor Bahru - 1,284 unit dalam pembinaan dan 9,561 unit akan dibina,
 - c. Pasir Gudang - 2,665 unit dalam pembinaan, dan 475 unit akan dibina,
 - d. Segamat - 1,323 unit
 - e. Kluang - 2,323 unit
 - f. Simpang Renggam - 700 unit
 - g. Batu Pahat - 455 unit
 - h. Gelang Patah - 968 unit
- 37.** Memperkemas kuota pemilikan RMMJ:
- i. Pengenalan 10% kuota pemilikan kepada golongan belia.
 - ii. Pengenalan 10% kuota kepada golongan OKU dan keutamaan akan diberikan dalam pemilikan rumah aras bawah atau aras satu bagi kediaman strata.
- 38.** Skim Sewa Beli - Peruntukan sebanyak RM20 juta untuk membeli rumah mampu milik berharga RM42 ribu dan RM80 ribu yang akan seterusnya ditawarkan kepada mereka yang layak.
- 39.** Pengurniaan hak milik tanah di kawasan-kawasan berikut:
- i. Johor Bahru - 392 pemohon ke atas tanah seluas 53 ekar yang merentasi Kampung Pulau Sungai Kim-Kim, Kampung Desa Bakti, Kampung Sentosa dan Kampung Cahaya Baru di Mukim Plentong serta Kampung Bukit Tempurung di Mukim Jelutong.
 - ii. Kulai -195 pemohon ke atas tanah seluas 364 ekar, meliputi Kampung Rahmat di Bukit Batu, Kampung Sungai Besoi, Kampung Pengkalan Indah dan Kampung Baru Bukit Batu dalam Mukim Sedenak serta Kampung Sri Paya, di Mukim Kulai.
 - iii. Batu Pahat - 125 pemohon ke atas tanah seluas 1378 ekar meliputi Parit Sri Wangi dalam Mukim Sri Medan dan Kampung Sri Semangat dalam Mukim Tanjung Sembrong.
 - iv. Kluang - 641 pemohon ke atas tanah seluas 1123 ekar meliputi Kampung Ilham dan Kampung Sri Cahaya dalam Mukim Kluang, Kampung Isnin Maarof dalam Mukim Machap dan Kampung Sri Pekan dalam Mukim Layang-layang.
 - v. Mersing - 81 pemohon ke atas tanah seluas 979 ekar merentasi Felda Tenggara 4.

- vi. Tangkak - 54 pemohon ke atas tanah seluas 88 ekar di Sawah Ring Blok 16 di Mukim Grisek dan Kampung Gemeh di Mukim Tangkak.
- vii. Kota Tinggi - 134 pemohon ke atas tanah seluas 239 ekar meliputi Kampung Sri Aman di Mukim Ulu Sungai Johor dan Kawasan Batu 15 di Mukim Ulu Sungai Sedili Besar.

Kemudahan dan Pengangkutan Awam

- 40. Cadangan meluaskan perkhidmatan Bas Muafakat Johor di daerah-daerah lain menggunakan sebahagian hasil *Vehicle Entry Permit* (VEP) yang baru sahaja dilaksanakan.
- 41. Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT) yang bernilai RM1 bilion dengan peruntukan awal daripada Kerajaan Pusat sebanyak RM50 juta untuk tahun 2017. Bagi IMBRT Fasa 1, ia terdiri daripada 3 jajaran melibatkan:
 - i. *Johor Bahru Central Business District* (JB CBD) ke Hab Desa Jaya – 18.2 kilometer
 - ii. JB CBD ke Hab UTM - 19.6 kilometer
 - iii. JB CBD ke Hab Iskandar Puteri – 25.1 kilometer
- 42. Penubuhan Jawatankuasa Pengangkutan Awam Johor.
- 43. Pembangunan infrastruktur pengangkutan awam seperti menaik taraf perhentian bas, tempat letak kereta, dan laluan pejalan kaki (RM6.1 juta).
- 44. Membina dan menaik taraf ruang-ruang perniagaan (RM24.6 juta). Ini termasuklah:
 - i. Membina gerai baharu di Taman Teratai Skudai (RM2.5 juta),
 - ii. Membina dan menaiktaraf Konsep Ruang Niaga Gerai dan pasar di Pasar Awam Senai (RM700 ribu),
 - iii. Membina 6 unit gerai di Jalan Johor, Kota Tinggi (RM300 ribu).
- 45. Membina dan menaiktaraf Taman Rekreasi dan Riadah (RM45.6 juta):
 - i. Melakukan kerja-kerja menaiktaraf Taman Permainan Kanak-kanak Jalan Abdul Aziz di Kota Tinggi (RM200 ribu)
 - ii. Menaiktaraf Hutan Bandar Kulai dengan memasukkan, antaranya, Extreme Park dan Kompleks Penempatan Penjaja (RM2 juta)
 - iii. Menaiktaraf Hutan Bandar Mutiara Rini, Skudai (RM500 ribu).
- 46. Pembinaan dan Penambahbaikan Bangunan, Pejabat dan Dewan (RM87.9 juta):
 - i. Membaik pulih dan menaik taraf Dewan Orang Ramai Semerah, Parit Raja, Senggarang dan Rengit (RM2.5 juta),
 - ii. Membina Dewanraya di Taman Scientex, Kulai (RM250 ribu),
 - iii. Membina Dewan Utama Ke-2, Kulai (RM1.5 juta)
 - iv. Menaiktaraf Muzium Layang-layang di Pasir Gudang (RM500 ribu).

47. Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan dengan menaiktaraf PBT berikut:
- i. Majlis Bandaraya Johor Bahru, dinaiktaraf kepada Dewan Bandaraya Johor Bahru;
 - ii. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, dinaiktaraf ke Majlis Bandaraya Johor Bahru Tengah; dan
 - iii. Majlis Daerah Segamat, dinaiktaraf ke Majlis Perbandaran Segamat
48. Program Tandas Sejahtera melibatkan pembinaan, baik pulih dan sistem pengurusan tandas awam yang lebih sempurna oleh PBT terlibat dengan peruntukan sehingga RM300 ribu setiap satu.
49. Projek pembangunan taman awam yang dikenali sebagai SIREH Park @ Iskandar Puteri (RM16 juta)

Pembangunan dan Kemudahan Sukan Bertaraf Dunia

Sektor sukan (RM32.16 juta), inisiatif-inisiatif berikut:

50. Program pembangunan jangka panjang yang dikenali sebagai Johor Gemilang 2020.
51. Suntikan dana RM505 ribu bagi tujuan mencungkil dan membangunkan bakat atlet muda.
52. Tawaran biasiswa pendidikan kepada 5 atlet berkecemerlang di bawah Yayasan Pelajaran Johor (YPJ). Setiap atlet berkecemerlang akan diberikan biasiswa bernilai RM7 ribu setahun yang dipecahkan kepada RM3.5 ribu bagi setiap semester.
53. Pembangunan bola sepak khususnya di peringkat akar umbi (RM10 juta):
- i. Program pembangunan bola sepak 17 tahun ke bawah di bawah Akademi Johor Darul Ta'zim, yang melibatkan kerjasama Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ), Borussia Dortmund (BVD) dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). Di bawah program ini sebanyak 12 Pusat Latihan Daerah (DTC) telah diwujudkan bagi menempatkan para pemain yang terpilih, yang menjadi pusat latihan dan perlawanan persahabatan. Bagi para pemain terpilih pula, mereka turut diberikan pendedahan latihan dan perlawanan persahabatan di luar negara.
 - ii. Program Pembangunan Bola Sepak Belia (Bawah 19 Tahun), yang merupakan pasukan amatur yang menyertai Pertandingan Piala Malaysia FAM setiap tahun.
 - iii. Pembangunan Pasukan Bola Sepak Bawah 21 Tahun, yang merupakan pasukan amatur yang menyertai pertandingan Piala Presiden FAM setiap tahun.

54. Pembinaan Kompleks Sukan '*Lee Chong Wei International Sports City*' (RM100 juta).
55. Pembinaan Stadium Sport City yang terletak di kawasan Mount Austin Johor Bahru (RM89 juta)

MENGUKUH AGENDA KEBOLEHSAINGAN MELAYU, BUMIPUTERA DAN ORANG ASLI

56. Program Kontraktor Patuh Syariah akan dijalankan bagi melatih 500 kontraktor Bumiputera secara kursus, peperiksaan dan persijilan (RM1.625 juta).
57. Program Pembangunan Komuniti Orang Asli bersama Yayasan PBT (RM300 ribu).

MENGUKUH KONSEP BANGSA JOHOR DAN MUAFAKAT JOHOR SEBAGAI JALAN PERPADUAN

58. Penjenamaan semula satu kawasan di Pusat Bandaraya Johor Bahru sebagai *The Street Of Harmony* atau Jalan Muafakat Bangsa Johor (RM5 juta)

MEMPERKUKUH 7 AGENDA BESAR

Johor Mahir

59. Tabung Latihan Kemahiran Johor melibatkan 2,500 pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran di institut-institut kemahiran dalam Negeri Johor (RM5 juta).
60. Pewujudan 5 buah Pusat Jaya Diri di Johor Bahru, Segamat, Kluang, Kota Tinggi dan Batu Pahat bagi menyediakan kursus serta latihan peningkatan kemahiran diri khusus kepada golongan ibu tunggal, wanita berpendapatan rendah dan golongan wanita OKU (RM500 ribu).
61. Pemantapan pengurusan dan pembangunan modal insan yang lestari oleh Unit Swadaya Insan (RM3.5 Juta).
62. Program Johor Bio Talent akan diteruskan (RM500 ribu).
63. Pemberian insentif yang melalui Tabung Pendidikan Sarjana PDT dipertingkatkan kepada 200 penerima dengan setiap seorang menerima RM5 ribu (RM1 juta).
64. Penglibatan 400 orang pelajar baru bagi Biasiswa Kenangan Dato Onn (BKDO) yang diteruskan khusus untuk pelajar baru manakala syarat permohonan bagi pendapatan ibubapa / penjaga ditambahbaik daripada RM1,500 ke bawah kepada RM2,000 ke bawah bagi memperluas peluang kepada pelajar (RM300 ribu).
65. Program Duta Jauhar akan diperkemaskan melalui versi 4.0 dalam usaha memberi platform kepada mahasiswa menyumbang idea dan

sokongan dalam mentransformasikan masyarakat dengan sasaran penglibatan seramai 450 mahasiswa pada tahun 2017 (RM1.5 juta).

66. Peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris oleh pelajar-pelajar Sekolah Rendah dan Menengah di bawah program English Language Camp/Program Pengayaan Bahasa Inggeris (RM500 ribu).
67. Kem Kepimpinan Generasi Ta'zim akan diteruskan dan dijenamakan sebagai Karisma Ta'zim bagi mendedah bakat kepimpinan mahasiswa dengan sejarah kepimpinan tokoh Johor serta dasar-dasar semasa pentadbiran Kerajaan Johor seperti Johor Berkemajuan (RM 500 ribu).
68. Program Kepimpinan Muda diteruskan dan dikenali sebagai Johor Youth Leadership Camp khusus untuk pelajar sekolah menengah yang menerima bantuan BKDO dan merupakan Ketua Pengawas Sekolah dengan sasaran seramai 440 pelajar (RM500 ribu).
69. Pengukuhan karakter pelajar dalam pembelajaran abad ke-21 (RM800 ribu)
70. Penyertaan kursus-kursus jangka pendek kepada Penjawat Awam Johor akan diperluaskan kepada Guru-guru KAFA melalui Tabung Latihan Kemahiran Penjawat Awam Johor (RM500 ribu)
71. Program Inklusif Masyarakat India yang dipertanggungjawabkan kepada - Yayasan Sultanah Rogayah (RM6 juta):
 - i. Keusahawanan - RM2.5 juta
 - ii. Pendidikan - RM1.5 juta
 - iii. Kebajikan - RM2 juta; dan- Baik pulih Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) – RM1 juta.
72. Bagi pembangunan masyarakat Cina (RM4 juta)
 - i. Baik pulih prasarana Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina di Johor (RM2 juta)
 - ii. Disalurkan melalui Yayasan Sultanah Fatimah - pendidikan golongan miskin kaum Cina (RM1 juta), bantuan modal *start-up* kepada peniaga kecil Cina. (RM1 juta)
73. Bantuan kepada Kolej Universiti Selatan Bagi menyokong pendidikan peringkat tinggi masyarakat Tiong Hua di Johor (RM500 ribu).
74. Penubuhan Taska Orang Kelainan Upaya di YPJ Youth Center, Bukit Senyum, khusus untuk OKU Pekak dan Bisu (RM300 ribu).

Johor Prihatin

75. Menjadikan Sukarelawan Darul Ta'zim sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah dengan melibatkan, sebagai permulaan, 56 Sekolah Menengah dari pelbagai DUN.

76. Penganjuran secara dwi tahunan Jambori Sukarelawan Darul Ta'zim. sebagai satu pengiktirafan peranan belia dalam aktiviti kesukarelawanan, mendidik belia berorganisasi dan meningkatkan jati diri mereka (RM100 ribu)
77. Satu gerakan sukarelawan akan ditubuhkan bagi memastikan kesinambungan usaha murni mereka, menyokong 10 kumpulan sukarelawan yang menggunakan model projek mahasiswa INSTEDT di negeri Johor (RM150 ribu).
78. Pengurusan persatuan belia kepada Majlis Belia Negeri Johor, Majlis Belia Daerah dan Pertubuhan Belia 4B Negeri Johor (RM210 ribu).
79. Pemberian geran bagi menggerakkan pelbagai NGO di Johor dengan lebih aktif bagi menghargai pergerakan sivil yang aktif dan progresif dalam menghakupayakan rakyat (RM2 juta).
80. Penempatan satu pusat aktiviti pelajar yang dinamakan Johor Youth Profesional Academic Center yang akan dijadikan Hab Aktiviti Pelajar, yang antara lain, bertujuan meningkatkan keberkesanan perancangan dan pelaksanaan program Duta Jauhar.
81. Pembinaan Pusat Jagaan dan Pengupayaan Anak-anak Yatim di Bandar Tenggara bernilai RM2 juta yang mempunyai kapasiti menampung 50 penghuni (2017: RM500 ribu).
82. Kerajaan Negeri akan menyediakan khairat kematian sebanyak RM300 seorang kepada semua kaum.
83. Bagi pelaksanaan program-program kesedaran, peruntukan-peruntukan berikut akan diberikan:
 - i. RM1 juta untuk usaha pencegahan penyalahgunaan dadah.
 - ii. RM1 juta untuk pencegahan wabak denggi.
84. Peruntukan kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bagi meningkatkan tahap keprihatinan dan keselamatan lingkungan (RM500 ribu)

Johor Lestari

85. Rangka Tindakan dan Pelan Hala Tuju Biorosot dan Biokompos Johor akan dijalankan (RM250 ribu).
86. Program Community in River (COIR 2017) yang memberi tumpuan khusus pada Sungai Skudai bagi melahirkan sifat tanggungjawab bersama dalam pemeliharaan sungai (RM200 ribu).
87. Pewartaan sebuah lagi Taman Negara di Negeri Johor di Bukit Tunku, Bukit Belading dan Reban Kambing yang dikenalpasti sebagai kawasan yang kaya dengan tumbuhan spesifik yang tiada di tempat lain seperti Cycas Cantafonia (Pakis Berlagu) - (RM1.5 juta)

88. Pelan tindakan menyeluruh bagi meningkatkan potensi dan seterusnya mentransformasikan Kampung-kampung Tradisional yang terletak dalam Wilayah Iskandar Malaysia (RM1 juta)
89. Permeruntukan sebanyak RM17.153 juta secara keseluruhannya bagi menjadikan Johor tempat pelancongan yang lebih menarik:
- i. Pembangunan infrastruktur dan agro pelancongan (RM7 juta);
 - ii. Pelbagai program promosi XPLORE JOHOR (RM8 juta); dan
 - iii. Perbelanjaan mengurus Tourism Johor (RM2.153 juta).
90. Penganjuran Johor Tourism Award 2017.
91. Satu Kursus Pemandu Pelancong yang komprehensif akan dijalankan bertujuan melahirkan pemandu pelancong yang terlatih, mahir dengan salah silah, budaya serta tempat bersejarah di Johor dengan sasaran melahirkan seramai 100 orang pemandu pelancong.
92. Perluasan Konsep Agro Stay sebagai salah satu tarikan pelancongan dalam negeri Johor (RM1.867 juta).
93. Pelan Transformasi Kota Tinggi - Program Kembara Wangsa Fasa 1B (2016-2019), berjumlah RM10.5 juta yang merangkumi:
- i. Pembinaan '*amphitheatre*' berhampiran Pusat Informasi Pelancong (PIP),
 - ii. Pembinaan jeti terapung di tebing sungai berhampiran PIP,
 - iii. Lagenda Laksamana Bentan 'showcase', dan
 - iv. Jeti terapung di Lagenda Laksamana Bentan showcase
94. Pembukaan Caravan Park secara berperingkat di 14 lokasi berikut (RM200 ribu):
- i. Pantai Air Papan, Pantai Tanjung Leman, Pantai Sekakap, Pantai Penyabong dan Hutan Lipur Gunung Arong di Daerah Mersing,
 - ii. Pantai Punggai, Pantai Tanjung Sedili dan Hutan Lipur Panti di Daerah Kota Tinggi,
 - iii. Hutan Lipur Gunung Pulai, di Daerah Kulai,
 - iv. Tanjung Piai di Daerah Pontian,
 - v. Hutan Lipur Sungai Bantang, di Daerah Segamat,
 - vi. Hutan Lipur Gunung Ledang di Daerah Tangkak,
 - vii. Hutan Lipur Gunung Soga di Daerah Batu Pahat,
 - viii. Hutan Lipur Gunung Belumut di Daerah Kluang.

Johor Islami

95. Pembinaan Hospital Pakar Waqf Johor yang mempunyai 280 katil di kawasan seluas 5.4 ekar di Bandar Baru Uda, Johor Bahru.
96. Pembinaan Dewan Serbaguna Waqf Johor yang mempunyai kapasiti untuk 1,500 orang di atas tanah seluas 5.5 ekar di Jalan Datin Halimah, Johor Bahru.

97. Pelancaran Skim Wakaf Saham Larkin Sentral sebagai model bagi membolehkan penglibatan orang ramai dalam mengembangkan peranan institusi wakaf.
98. Pembinaan Sekolah-sekolah Agama Johor Fasa 5 melibatkan pembinaan sebanyak 25 buah sekolah baru keseluruhannya berjumlah RM141.1 juta (2017: RM8 juta):
- i. 2 di Muar,
 - ii. 6 di Kulai,
 - iii. 4 di Kluang,
 - iv. 3 di Tangkak,
 - v. 6 di Johor Bahru,
 - vi. 3 di Pontian, dan
 - vii. 1 di batu Pahat.
99. Kenaikan gaji bulanan bagi 154 orang guru Tadika Islam dari RM800 kepada RM1,000 selaras dengan gaji minimum bulanan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.
100. Program Pendidikan Islam Digital akan diteruskan pelaksanaannya oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) melibatkan sebuah sekolah di Kluang dan 4 buah sekolah di Johor Bahru (RM2.3 juta).
101. **Program** Peningkatan Pendapatan Asnaf yang bertujuan untuk membantu mereka berniaga agar mereka dapat keluar daripada kategori asnaf melalui penyediaan 10 unit Lori Penjaja Bergerak (RM3 juta).
102. Program Kesihatan Asnaf akan memperkenalkan satu skim bantuan kesihatan yang baharu khas kepada pesakit jantung. Bantuan ini akan diurus secara kerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) dan 1,000 pesakit Muslim berdaftar sahaja yang akan layak menerima bantuan ini. (RM2 juta).
103. Bantuan-bantuan kesihatan yang lazim seperti pemakanan sihat, dialisis dan lain-lain rawatan perubatan akan diteruskan (RM60 juta).
104. Program Pendidikan Asnaf - meneruskan 9 Skim Bantuan Pendidikan di bawah MAINJ bagi meningkatkan akses dan kualiti pendidikan anak-anak Asnaf Zakat dari peringkat rendah hingga pengajian tinggi melibatkan 70 ribu anak asnaf (RM26.5 juta).
105. Membina baharu dan membaik pulih 11 buah masjid di seluruh Johor, seperti berikut (Kerajaan Persekutuan - RM22.02 juta):
- i. Masjid Jamek Kampung Bintang, Peserai, Batu Pahat berharga RM2.22 juta
 - ii. Masjid Felda Pemanis Dua, Segamat berharga RM2 juta
 - iii. Masjid Jamek Kampung Seri Jaya, Tangkak berharga RM1.5 juta
 - iv. Membaik pulih Masjid Al-Taqwa, Kampung Jeram Masjid, Bakri, Muar berjumlah RM200 ribu

- v. Membina Masjid Habib Hassan Alattas di Johor Bahru berharga RM3 juta
- vi. Masjid Parit Kerimon, Benut, Pontian berharga RM1.8 juta,
- vii. Masjid Al Mukminin, Jalan Chengal, Bandar Putra, Kulai berharga RM2.6 juta
- viii. Masjid Parit Sulaiman, Pontian berharga RM1 juta
- ix. Masjid Jamek Irsyadiah Batu 16 Air Hitam, Muar berharga RM2.5 juta
- x. Masjid Parit Masjid, Pontian berharga RM1 juta
- xi. Masjid Taman Pulai Indah, Kangkar, Pulai berharga RM4.2 juta

Keusahawanan Johor

- 106. Program Usahawan Digital** akan diperkenalkan dengan kerjasama MAGICX, bagi meningkatkan kapasiti dan persaingan dalam kalangan usahawan digital di Johor.
- 107. Program Inisiatif Jenama Johor (IJJ)** akan diperkenalkan bagi menyediakan platform kepada para usahawan memperkenalkan produk mereka sebagai sebahagian identiti Johor dengan sasaran 20 orang usahawan.
- 108.** - Kawasan Perniagaan Berkonsep *Youth Fashion and Lifestyle Street* di Taman Mutiara Rini yang akan mengetengahkan rangkaian perniagaan fesyen mengikut trend dan jenama terkini.
 - *Johor Local Brand Street* di Taman Setia Eco Cascadia, yang akan mengetengahkan rangkaian perniagaan berasaskan produk Negeri Johor.
- 109. Netpreneur Wanita** - Seramai 200 usahawan wanita akan dikenalpasti untuk diberikan kursus strategi pemasaran produk atas talian menggunakan laman sosial dan internet.
- 110.** Indienomics akan memberi perhatian kepada 50 usahawan muda terpilih yang berminat memajukan perniagaan mereka.
- 111.** Johor Corporation akan meneruskan aktiviti keusahawanan BISTARI pada tahun 2017 (RM1 juta).
- 112.** Program Pembangunan Usahawan Belia Islam akan diteruskan dengan peruntukan berjumlah RM2 juta yang disumbangkan oleh Perbadanan Islam Johor (PIJ) dan akan dipecahkan kepada 4 program utama, iaitu:
 - a. Program Bantuan Usahawan Belia Islam, RM1 juta,
 - b. Program Bantuan Mengembangkan Perniagaan Usahawan Belia Islam (*Indienomics Challenge*), RM400 ribu,
 - c. Program Kursus Kewangan dan Rancangan Perniagaan Usahawan Belia Islam, RM500 ribu, dan
 - d. Program *My Home Shop*, RM100 ribu

113. Johor Desapreneurs Food & Beverages Product Improvement Program akan dijalankan melalui peruntukan dan kerjasama daripada SME Corp yang akan memilih 100 usahawan IKS untuk dilatih bagi menerima 4 jenis sijil perakuan
114. Program keusahawanan dalam industri perkayuan dengan kerjasama Malaysian Timber Industry Board (MTIB) akan dilaksanakan. Ini termasuklah:
- i. Program Pembangunan Vendor melibatkan kerjasama antara KPRJ dan MTIB untuk projek-projek KPRJ termasuklah pembinaan sekolah-sekolah agama di Johor;
 - ii. Pembangunan Rekabentuk Baru Perabot Sekolah Agama Johor,
 - iii. Program Rekabentuk Perabot (*Branding*),
 - iv. Latihan praktikal graduan rekabentuk perabot di kilang-kilang perabot yang terletak di Muar, dan
 - v. Proses sumbang saran (*brainstorming*) Pembangunan Bangunan Tinggi berasaskan kayu dengan menggunakan teknologi CLT.
115. Program *Youth To Biz* berbentuk Geran Padanan ini diberikan kepada perniagaan yang berkonsepkan '*Mobile Business*' dan '*Business Shared Facilities*' di Iskandar Malaysia (RM4.3 juta).
116. Penyediaan Kedai Mampu Milik berharga RM200 ribu seunit, yang akan ditawarkan kepada mereka yang berminat untuk berniaga dengan sasaran sebanyak 4,850 unit menjelang tahun 2020.
117. Kerajaan Negeri dengan kerjasama SKM akan menyediakan Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Negeri Johor 2017-2021.

Johor Berbudaya

Pelbagai program pembangunan, pemeliharaan dan promosi warisan dan budaya Johor (RM7.95 juta):

118. Penganjuran Festival Antarabangsa Zapin dan Ghazal dalam usaha untuk memelihara dan mengetengahkan warisan Johor selari dengan usaha untuk menjadikan Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu serantau
119. Program Permata Warisan Johor untuk mencungkil bakat belia di dalam bidang seni dengan penubuhan orkestra.
120. Semarak Seni Muafakat Johor merupakan program yang berteraskan rakyat agar masyarakat terlibat aktif dalam persembahan seni budaya.
121. Insentif RM 200 ribu sebagai galakan kepada persatuan-persatuan sejarah Johor agar terus bergiat aktif dalam menyediakan bahan penulisan ilmiah di Pusat Dokumentasi Johor.
122. Yayasan Warisan Johor 'Summer Camp' akan dijalankan pada 2017. Ia merupakan program kursus kebudayaan jangka pendek sebagai

pendedahan awal kepada anak-anak muda berkenaan seni budaya Johor.

123. Penubuhan satu pasukan penyelidik (*research team*) bagi menyediakan pelan induk atau *roadmap*, Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa telah dikenalpasti, yang akan diusahakan oleh sekumpulan penyelidik universiti awam (RM250 ribu).

Johor Inovatif dan Digital

124. Perluasan kemudahan Johor *Wifi* ke luar bandar dengan pemasangan 50 *hotspot* di daerah-daerah dan tambahan 20 *hotspot* baharu di kawasan-kawasan PBT sedia ada. Kapasiti kelajuan talian di 135 lokasi Johor *Wifi* sedia ada dinaiktaraf (RM4.31 juta).
125. Penubuhan Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ)

Mempertingkatkan Industri Hiliran Sumber Mineral Johor.

Projek ini bertujuan mengenalpasti dan mempertingkatkan sebanyak 10% nilai tambah sumber mineral secara kejuruteraan bagi perkembangan industri hiliran. Ia akan turut mencari peluang industri hiliran bagi industri berasaskan sumber mineral. Kerjasama antara Jabatan Mineral dan Galian dan Jabatan Alam Sekitar (RM50 ribu)

Pengenalan Sistem Pengawasan Pengangkutan Awam Pintar Untuk Negeri Johor.

Membangunkan aplikasi *Internet of Things* (IoT), kerjasama antara PAJ dan IRDA (RM90 ribu).

e-Pembelajaran untuk Mualaf (e-Mualaf) bagi Institut Latihan Saudara Baru Johor.

Membangunkan satu sistem e-Pembelajaran untuk Mualaf bagi memudahkan mereka mendapat akses pendidikan Islam yang tepat dan berkualiti dengan kerjasama antara MAIJ dan JAINJ (RM50 ribu).

Pengurusan dan Penggunaan Sisa Sawit Yang Lebih Baik

Melaksana proses pengurusan sisa sawit yang menerapkan prinsip *Waste-To-Wealth*, kerjasama antara J-BIOTECH dan Johor Corporation (RM50 ribu).

Membangunkan Proses Pengayaan Gas Metana Menggunakan Kaedah *Anaerobic Sequencing Batch Reactor* (ASBR).

Projek ini adalah satu dari kaedah masa depan dalam penghasilan gas metana dari rawatan cecair buangan minyak kelapa sawit, kerjasama antara J-BIOTECH dan Johor Corporation (RM50 ribu).

Membangunkan Platform Atas Talian Untuk Rangkaian Pembangunan Belia Johor.

Projek ini akan melibatkan 2,500 hingga 5,000 belia dan mensasarkan 50 hingga 80 perusahaan IKS di Negeri Johor melalui platform atas talian, kerjasama antara Johor Youth Development Centre (JOYDEC) dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor (RM50 ribu).

Membangunkan Dasar dan Garis Panduan Senibina Masjid Johor.

Melibatkan lebih 400 masjid di seluruh Negeri Johor dalam membentuk satu dasar dan garis panduan senibina masjid berasaskan senibina Johor dan patuh syariah, kerjasama antara MAIJ, JAINJ dan YWJ (RM80 ribu).

126. Pemberian Insentif setengah bulan gaji semasa kepada semua kakitangan kerajaan negeri Johor dan Ahli dewan Undangan Negeri Johor.

- TAMAT -

**DIKELUARKAN OLEH : PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR
17 NOVEMBER 2016**

